

31 JAN 2001

PANDITHAN DINASIHAT TERIMA NASIHAT PM, TPM

MELAKA, 31 Jan (Bernama) -- Presiden parti Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF) M.G. Pandithan dinasihat menerima pandangan pucuk pimpinan supaya partinya bergabung dengan parti MIC.

"Saya berharap beliau menerima nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya IPF bergabung dengan MIC, demi kebaikan kaum India di negara ini," kata presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M Kayveas, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Pensijilan ISO 14001, Pengurusan Alam Sekitar, kepada Kilang Maruwa Malaysia Sdn Bhd, di sini.

"Kalau dia (Pandithan) tidak mahu menerima nasihat daripada orang yang sudah matang dalam politik, itu masalah beliau, tetapi anggota IPF boleh menyertai PPP," katanya.

Kayveas berkata partinya telah mengkaji situasi IPF dan memberi sokongan kepada anggota IPF yang mengikut Pandithan sebanyak 500,000 orang supaya menyertai PPP.

Terdahulu, dalam ucapannya, Kayveas berkata industri pekilangan perlu peka terhadap pentingnya pengurusan dan tanggungjawab ke atas alam sekitar.

-- BERNAMA

NO ZB